

29 JAN 2000

Perak-Rumah

LEBIH INSENTIF BAGI PEMAJU PROJEK PERUMAHAN KOS RENDAH DI PERAK

IPOH, 29 Jan (Bernama) -- Kerajaan negeri Perak akan menyediakan lebih banyak insentif kepada pemaaju-pemaaju projek perumahan kos rendah bagi menampung permintaan yang tinggi terhadap rumah jenis berkenaan di negeri itu.

Menteri Besar Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali berkata antara insentif yang mungkin diberikan kepada pemaaju projek perumahan kos rendah ialah diskaun premium tanah yang dimiliki oleh kerajaan negeri.

"Kerajaan negeri akan memberi insentif. Keutamaan akan diberikan kepada pemaaju-pemaaju perumahan yang berkeupayaan membina rumah kos rendah," katanya kepada pemberita selepas melawat projek perumahan kos rendah Taman Bercham Raya di sini, hari ini.

"Yang mana (pemaaju) hendak buat 100 peratus rumah kos rendah, kita akan beri 100 peratus keutamaan," katanya.

Tajol Rosli berkata Perak kini menghadapi masalah lebihan rumah-rumah kos tinggi dan sederhana tinggi yang berharga lebih RM100,000 dan ini menyebabkan pemaaju-pemaaju mengalami kesukaran untuk menjual rumah berkenaan.

Sebaliknya, harga sewa rumah-rumah kos tinggi dan sederhana tinggi lebih rendah berbanding dengan sewa rumah kos rendah yang semakin meningkat terutamanya di kawasan bandaraya Ipoh, katanya.

"Kita tidak memerlukan rumah jenis ini (kos tinggi dan sederhana tinggi) di kawasan Ipoh," katanya.

Beliau berkata kebanyakan pembeli rumah di kawasan Ipoh adalah mereka yang berpendapatan rendah dan hanya mampu membayar RM300 hingga RM400 sebulan untuk potongan rumah.

Tajol Rosli berkata kerajaan negeri menerima banyak permohonan daripada pemaaju perumahan yang membina rumah kos rendah tetapi akibat kegawatan ekonomi, mereka tidak dapat melaksanakan projek itu.

Projek perumahan kos rendah Taman Bercham Raya itu diusahakan oleh anak syarikat Kumpulan Emkay, Zaman Teladan Sdn Bhd, dan penjualan 746 rumah pada fasa pertama pembinaannya telah dilancarkan pada 23 Mei lepas.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pula melancarkan penjualan 180 unit rumah di bawah fasa kedua projek perumahan itu pada 3 Ogos lepas.

Pengerusi Eksekutif Kumpulan Emkay Tan Sri Mustapha Kamal Haji Abu Bakar berkata anak syarikatnya itu berjaya menjual kesemua rumah-rumah di bawah fasa pertama dan kedua serta 88 unit kedai pejabat dan empat unit kedai.

-- BERNAMA

MHI NAK